

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HMP 403 Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa di Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

ARAHAN

Jawab EMPAT [4] soalan, SOALAN NO. 1 WAJIB dijawab dan pilih TIGA soalan lain.

Tulis nombor soalan secara berurutan (yang dijawab sahaja) pada halaman hadapan kertas jawapan.

Semua jawapan mestilah analitikal, ringkas, tepat dan tulisan mestilah mudah dibaca.

1. Anda bertugas di pedalaman yang bahasa baku pelajarnya banyak dipengaruhi oleh penggunaan dialek/bahasa sukuan yang tebal. Sila kemukakan cara yang sesuai untuk mengajar bahasa Melayu baku kepada pelajar di situ. Tempat dan dialek/bahasa sukuan, anda tentukan sendiri.

[40 markah]

2. Katakanlah 20 tahun yang akan datang, pelajar kita telah mahir berbahasa Inggeris dan didapati sangat lemah di dalam bahasa Melayu. Sebagai seorang guru yang dedikasi, apakah kaedah yang sesuai anda gunakan untuk mengajar bahasa Melayu baku kepada mereka. Khususkan bidang bahasa yang akan anda ajar sama ada bidang fonetik, bidang struktur kata atau struktur ayat.

[20 markah]

3. Lutfi Abas, (1977: 2 dan 4) menyatakan bahawa ayat inti bahasa Melayu (BM) dan bahasa Cina (BC) ialah Subjek dan Predikat. Perhatikan contoh yang berikut ini:

BM Ia melihatkan anda buku itu.

BC Ta gei ni kan nei ben shu.  
ia untuk anda lihat itu buah buku

Sila kemukakan analisis perbandingan ayat bahasa Melayu dan bahasa Cina di atas.

[20 markah]

4. Beberapa ahli bahasa berpendapat bahawa analisis kontrastif memberi keutamaan terhadap sistem fonologi dan morfologi yang ditolak oleh Langacker (1968). Sila kemukakan pendapat anda pula.

[20 markah]

5. Perhatikan dua ayat, iaitu ayat bahasa Melayu (BM) dan bahasa Tamil (BT) yang berikut ini (Lutfi Abas, 1977: 196).

BM Anda makan nasi.

BT Nii caatatt-aic caappith-ukirh-aay  
anda nasi makan-kini-anda

[a] Bandingkan struktur kedua-dua ayat di atas kata demi kata.

[b] Kemukakan pendapat anda cara mengatasi masalah struktur ayat dan struktur kata yang sering dialami oleh pelajar yang bahasa ibunda mereka ialah bahasa Tamil.

[20 markah]

6. Bincangkan perbezaan pendapat golongan aliran Tatabahasa Generatif dengan aliran yang lain tentang penerjemahan B1 kepada B2 bagi keperluan pengajaran.

[20 markah]

-ooo000ooo-